

PEKELILING PENTADBIRAN FAKULTI PERUBATAN BIL. 01/2024

Dekan/Timbalan Dekan/Penolong Dekan/
Ketua Jabatan/Pusat/Unit/
Semua Staf Akademik/Bukan Akademik
Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGUNAAN *TEMPLATE* SURAT RASMI FAKULTI PERUBATAN UKM

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Fakulti Perubatan telah bersetuju untuk menyeragamkan penggunaan *template* surat rasmi Fakulti Perubatan mengikut format seperti kenyataan di bawah:

- i. Lampiran A adalah *template* surat rasmi yang disediakan oleh Jabatan/Pusat namun perlu ditandatangani oleh Dekan Fakulti Perubatan; dan
- ii. Lampiran B adalah *template* surat rasmi yang disediakan oleh Jabatan/Pusat dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan/Ketua Unit di Jabatan/Pusat masing-masing.
- iii. Keseragaman ini selaras dengan penggunaan Moto Baharu UKM dan Logo Terkini MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Pengajian dan Perkhidmatan (SPKPPP) UKM

3. Sehubungan itu, pihak pentadbiran Fakulti Perubatan memohon kerjasama YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua staf di Jabatan/Pusat masing-masing untuk memastikan keseragaman penggunaan *template* surat rasmi Fakulti Perubatan dilaksanakan dengan berkesan. Penggunaan *template* ini adalah berkuatkuasa serta merta dan *template* yang salah akan dikembalikan semula kepada pihak Jabatan / Pusat untuk dikemaskini.

Pihak Pentadbiran Fakulti Perubatan mengucapkan terima kasih atas kerjasama semua staf Fakulti Perubatan dan berharap agar semangat fakulti untuk membawa satu pasukan dapat diterapkan melalui usaha ini dan memperolehi keseragaman seperti yang dihasratkan.

Sekian.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 CERT. NO. QMS 01100

SEKRETARIAT PENTADBIRAN FAKULTI PERUBATAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, Tingkat 2, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Kampus Kuala Lumpur, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +603-9145 5042 Laman Web: <http://www.ukm.my/medicine/>



Yang menjalankan amanah,

KHAIRATUL NADIA RAMLI

Penolong Pendaftar Kanan (Ketua Pentadbiran)

Fakulti Perubatan

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Dekan Fakulti Perubatan UKM
 - Timbalan-Timbalan Dekan Fakulti Perubatan UKM
 - Penolong-Penolong Dekan Fakulti Perubatan UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

SEKRETARIAT PENTADBIRAN FAKULTI PERUBATAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, Tingkat 2, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Kampus Kuala Lumpur, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +603-9145 5042 Laman Web: <http://www.ukm.my/medicine/>

ILMU, MUTU DAN BUDI